



# Pratuong

Yakup Mohd Rafee

**P**ratuong merupakan sebuah instrumen muzik berasaskan buluh dan dimainkan oleh masyarakat Bidayuh dari rumah panjang Annah Rais di kawasan Ulu Padawan, Sarawak. Alat muzik ini turut dikenali dengan pelbagai nama di kawasan Bidayuh yang lain seperti *sirotuong*, *silatong* dan *ketong*. Di Sarawak, selain di Ulu Padawan, kaum Bidayuh di daerah-daerah lain seperti Bau, Serian dan Penrissen mempunyai instrumen muzik buluh mereka sendiri dengan teknik pembuatan dan cara memainkannya yang tersendiri. Selain dari masyarakat Bidayuh, alat muzik seperti ini turut dimainkan oleh etnik lain seperti Kayan, Penan, Kelabit, Kadazan Dusun dan lain-lain etnik di sekitar Asia Tenggara dan Indochina. Dianggarkan alat muzik ini telah bertapak di sini sejak 300-350 tahun yang lalu tetapi berdasarkan sejarah muzik dunia, peralatan muzik berasaskan buluh seperti ini dipercayai telah wujud lebih dari 5000 tahun.

**P**ratuong is a musical instrument made of bamboo and often played by the Bidayuh from Annah Rais longhouse near Ulu Padawan, Sarawak. This musical instrument is also known by various names in other Bidayuh dominated areas, like *sirotuong*, *silatong*, and *ketong*. In Sarawak, besides the Bidayuh from Ulu Padawan, Bidayuh from other districts like Bau, Serian, and Penrissen also have their own musical instruments with different production and playing technique. Other than the Bidayuh, this type of musical instrument is also played by other ethnicities, such as the Kayan, Penan, Kelabit, Kadazan Dusun and others in Southeast Asia and Indochina. This musical instrument has been setting its ground in this area for approximately 300-350 years; however, according to world music history, bamboo-based music has existed for more than 5000 years.